



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 43/2013 (20 hingga 26 Oktober 2013)

“Kes Denggi mingguan tertinggi di Malaysia”

Pada minggu lepas, sejumlah 1,680 kes denggi telah dilaporkan iaitu kes tertinggi yang pernah dilaporkan oleh Malaysia sejak 10 tahun lepas iaitu peningkatan 19% berbanding dengan minggu sebelumnya dimana 1,408 kes dilaporkan. Negeri - negeri yang menunjukkan peningkatan kes denggi berbanding minggu sebelumnya adalah negeri Selangor yang meningkat sebanyak 272 kes (31%), Johor 20 kes (14%), Perak 13 kes (26%), Pahang 5 kes (31%), Negeri Sembilan 3 kes (12%) dan masing-masing satu (1) kes di WP Labuan (100%) dan di Sarawak (6%). Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan diseluruh negara dari Januari hingga 26 Oktober adalah sebanyak **28,207 kes** iaitu peningkatan sebanyak **58% (10,360 kes)** berbanding hanya **17,847 kes** bagi tempoh yang sama tahun 2012. Bermula dari bulan Jun tahun ini, peningkatan ketara di negeri Selangor memberi implikasi kepada peningkatan keseluruhan di Malaysia.

Dalam tempoh sama (20 hingga 26 Oktober 2013), sejumlah 408 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 14 negeri diseluruh negara iaitu 323 lokaliti wabak (80%) di negeri Selangor, 37 lokaliti di Johor, 16 Lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, lapan (8) lokaliti di Perak,

enam (6) lokaliti Negeri Sembilan, lima (5) lokaliti di Melaka, tiga (3) lokaliti di Pulau Pinang, tiga (3) lokaliti di Kelantan, dua (2) lokaliti di Pahang serta masing-masing satu (1) lokaliti di Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah ini, sejumlah 54 lokaliti *hotspot* dilaporkan di mana kesemuanya berlaku di negeri Selangor. Lokaliti- lokaliti *hotspot* tersebut berlaku di empat (4) daerah di negeri Selangor iaitu 26 lokaliti di daerah Petaling, 19 lokaliti di daerah Hulu Langat, lapan (8) lokaliti di daerah Gombak dan satu (1) di daerah Sepang.

Jumlah kumulatif kematian kes Denggi sehingga kini adalah sebanyak 60 kematian, berbanding hanya 29 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2012 iaitu meningkat sebanyak 31 kematian (107%). Kes kematian terbaru melibatkan seorang suri rumah berumur 44 tahun berasal dari Pulau Pinang yang meninggal disebabkan komplikasi denggi iaitu kegagalan fungsi buah pinggang. Ini adalah kes kematian kedua dalm tempoh 2 minggu di kawasan wabak iaitu di Taman Sri Nibong. Hasil pemeriksaan pembiakan Aedes yang telah dijalankan di lokaliti sekitar kediaman pesakit menemui pembiakan Aedes yang tinggi iaitu 9.5%. Antara tempat pembiakan Aedes yang ditemui adalah pasu bunga, bekas plastik, kanvas, tin kosong, tong sampah, baldi, lantai simen, longkang dan topi keledar. Penduduk dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan telah mengadakan satu sesi gotong royong bagi memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes bagi memutuskan rantai jangkitan kes denggi di kawasan ini. Dengan musim hujan sekarang, tempat-tempat pembiakan Aedes mudah terjadi. Oleh itu, pentingnya usaha-usaha individu dan masyarakat bagi memusnahkan tempat-tempat pembiakan ini. Kementerian akan terus meningkatkan tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan undang-undang.

Kematian denggi boleh dicegah dengan memastikan tiada pembiakan Aedes, melalui aktiviti cari dan musnah serta gotong royong yang dilaksanakan setiap minggu oleh masyarakat. Luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk membersihkan persekitaran anda.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

28 Oktober 2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 43/2013
(20 hingga 26 Oktober 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 26 Oktober 2013	Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 26 Oktober 2012
		Minggu 43 (20 – 26 Okt 2013)	Minggu 42 (13 – 19 Okt 2013)		
1	Perlis	5	6	192 (1)	146
2	Kedah	14	15	665 (1)	684 (3)
3	P. Pinang	26 (1)	26	710 (5)	649 (1)
4	Perak	64	51	1,609 (2)	1,429 (5)
5	Selangor	1,142	870 (2)	14,299 (16)	7,492 (11)
6	WPKL & Putrajaya	60	60	1,863 (7)	1,520 (3)
7	N. Sembilan	28	25	626	443 (1)
8	Melaka	71	92 (1)	950 (7)	392
9	Johor	167	147 (1)	3,487 (13)	1,354 (1)
10	Pahang	21	16	527 (2)	532 (1)
11	Terengganu	12	24	415	655
12	Kelantan	33	38	1,197 (2)	1,008
13	Sarawak	18	17	1,082 (3)	1,067 (1)
14	Sabah	18	21	575 (1)	467 (2)
15	WP Labuan	1	0	10	9
	Malaysia	1,680 (1)	1,408 (4)	28,207 (60)	17,847 (29)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT”
SEHINGGA MINGGU 43 (26 OKTOBER 2013)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	99	132
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	109	111
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	51	104
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	67	90
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29-7/30, Unisel & Jln A7/A-F7/F)	31	84
6	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 6	26	69
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B zon B (Jln 7/24-7/27)	32	68
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Flat A (Blok 1 - Blok 6)	11	68
9	SELANGOR	Petaling	UPM Serdang Kolej 17	32	68
10	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Timur)	17	64
11	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Impian Putra	75	62
12	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Prima (Melor)	40	60
13	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Selatan)	25	60
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres A zon A (Jln 7/11-7/22)	14	58
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jln 3/13A-C Seksyen 3 Taman Kajang Utama	17	57
16	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seksyen 1 Bandar Teknologi	26	54
17	SELANGOR	Petaling	SS 22	11	52
18	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	9	51

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
19	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	15	47
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 1 Petaling Jaya	23	47
21	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Saujana 1 (Blok A,B,C,D,E,F,L,M)	13	47
22	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	21	46
23	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinchng	14	44
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 12 Petaling Jaya	33	44
25	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Utama 2	14	43
26	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Bukit Kenangan	9	42
27	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seraya Taman Kajang Utama	14	41
28	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 1 (Blok A ,B)	5	41
29	SELANGOR	Petaling	PJU 3 Kondo Palm Spring 2 (Blok D, E, & F)	9	41
30	SELANGOR	Gombak	Taman Rasmi Jaya Zon 1	23	40
31	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinchng	14	39
32	SELANGOR	Gombak	Bandar Tasik Puteri Fasa 7 Zon 1	14	39
33	SELANGOR	Gombak	Taman Bukit Indah Fasa 1 Zon 1	9	39
34	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Persona Taman Kajang Utama	9	38
35	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Sri Mewah	9	38
36	SELANGOR	Sepang	Taman Desa Sentosa	79	37
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/3 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	11	35
38	SELANGOR	Gombak	Taman Kelab Ukay	8	35

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
39	SELANGOR	Hulu Langat	City Garden Palm Villa Kondo Taman Cempaka	27	34
40	SELANGOR	Hulu Langat	Batu 12 1/2 Jalan Cheras - Kajang	8	34
41	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/5A-K Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	12	34
42	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 7 Bandar Sri Putra	6	34
43	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 5	6	34
44	SELANGOR	Petaling	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 2)	7	34
45	SELANGOR	Gombak	Apatrment Laksaman	7	34
46	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	6	33
47	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 1 (Zon 2)	12	33
48	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/16-23 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	14	32
49	SELANGOR	Petaling	Pusat Bandar Puchong 5 (Sri Jati)	6	32
50	SELANGOR	Petaling	PJS 9 Lagoon Perdana	9	32
51	SELANGOR	Gombak	Taman Rasmi Jaya Zon 2	12	31
52	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 6/9,6/10,6/11 & 6/14 Tasik Tambahan	13	31
53	SELANGOR	Hulu Langat	Apartmen Taman Anggerik Villa	6	31
54	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 UITM Shah Alam Kolej Jati	7	31